

TEKS UCAPAN
TUAN YANG DIPERTUA
JELAJAH BERSIH (SPS)
27 OKTOBER 2013 (AHAD), 7:00 PAGI
TAMAN BERJAYA, NIBONG TEBAL

.....

Terima kasih Pengacara Majlis

Yang Berhormat Datuk Law Choo Kiang

Speaker Dewan Undangan Negeri

Yang Berhormat Dato' Dr Mansor Bin Othman

Ahli Parlimen Nibong Tebal

Yang Berhormat Tuan Soon Lip Chee

Ahli Dewan Undangan Negeri Jawi

Yang Dihormati En Amir bin Md Ghazli

Ahli Majlis, MPSP

Merangkap Pengarah Jawatankuasa Jelajah Bersih MPSP 2013

Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud

Tuan Setiausaha Perbandaran, MPSP

Rakan-rakan media

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian

.....

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Selamat Pagi dan Salam Sejahtera

Terlebih dahulu saya merakamkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Law Choo Kiang, Yang Berhormat Dato' Mansor Bin Othman dan Yang Berhormat Tuan Soon Lip Chee kerana sudi hadir dan bersama-sama dengan kita dalam program pada hari ini. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada En. Amir bin Md Ghazali, Ahli Majlis MPSP selaku Pengerusi kepada Program Jelajah Bersih 2013, dan semua ahli majlis-ahli majlis lain yang bersungguh-sungguh menjayakan program ini. Terima kasih juga kepada Encik Mohd Rizal Bin Abdul Hamid selaku penyelaras Jelajah Bersih SPS.

Yang Berhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin sekalian,

Jelajah Bersih merupakan program yang diadakan khusus bagi mendekatkan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dengan warga Seberang Perai. Disamping itu, program ini juga merupakan wadah bagi MPSP untuk menyampaikan mesej kepada pelanggan secara langsung.

Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah menganjurkan pelbagai program kebersihan dan riadah yang melibatkan masyarakat. Antaranya Program Kitar Semula, Program Sisa Sifar, Anugerah Sekolah Hijau. Program-program ini merupakan satu inisiatif dan usaha berterusan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bagi memastikan kebersihan Seberang Perai sentiasa dijaga dan diberi perhatian sewajarnya. Implikasi daripada usaha-usaha MPSP telah diterjemahkan melalui pembahagian bajet yang telah diagihkan untuk tujuan pembersihan yang dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Isu-isu sampah merupakan satu isu yang amat serius di Seberang Perai. Dan hasil daripada Dialog Bajet MPSP 2014 yang diadakan pada bulan Julai, 41% peratus daripada responden berkehendakkan MPSP memberi keutamaan dalam aspek kebersihan. Anggaran sebanyak 1,100 kg sampah dijanakan setiap hari oleh penduduk Pulau Pinang. Dari bulan Januari hingga Ogos 2013, sebanyak 288,062 tan metric sampah telah dilupuskan di Pulau Burung.

Untuk makluman semua, dalam melaksanakan kerja-kerja kutipan sampah, MPSP menghadapi masalah di mana sebilangan premis kediaman atau perniagaan gagal menyediakan kemudahan tong sampah secara individu. Kegagalan ini menyebabkan mereka meletakkan bungkusan sampah di sesuatu lokasi yang tidak sesuai dan mengundang kehadiran binatang seperti anjing, kucing yang akan menyelongkar serta menyelerakkan sisa berkenaan. Keadaan ini akan menyebabkan sisa akan bertaburan dan menghasilkan bau yang busuk

kepada kawasan sekitar dan pihak MPSP terpaksa melaksanakan kerja berulang bagi membersihkan persekitaran tersebut.

Melalui penguatkuasaan ini, pemilik premis kediaman atau perniagaan adalah dikehendaki menyediakan tong sampah yang mempunyai penutup. Penghuni setiap premis diberi tempoh selama sebulan untuk menyediakan tong sampah bertutup dan tindakan penguatkuasaan bagi mengkompauan kesalahan tersebut dibuat mulai 01.10.2013.

Disamping itu, saya ingin menyeru kepada semua supaya jangan membuang sampah ke dalam longkang. Ini kerana pada akhirnya, kita akan mendapat kesusahan. Longkang yang tersumbat akan menyebabkan air tidak mengalir dan banjir akan berlaku di kawasan tuan-tuan dan puan-puan apabila hujan.

Sebenarnya sampah yang kita janakan setiap hari boleh menghasilkan pendapatan sampingan kepada kita. Jika kita mengasingkan sampah-sampah mengikut kategorinya seperti barang yang boleh kitar semula (kertas, botol plastik, aluminium, kotak) kesemuanya boleh dijual kepada agen kitar semula dan mendapat hasil. Sisa makanan yang dijanakan setiap hari juga jangan dibuang dalam tong sampah kerana ia boleh dijadikan sebagai baja kompos untuk bercucuk tanam. Minyak masak terpakai juga boleh dijadikan sabun. Dengan ini, orang ramai boleh menjimatkan wang dan juga membantu MPSP mengurangkan penghantaran sampah ke tapak pelupusan. Sekiranya tuan-tuan dan puan-puan memerlukan maklumat dan cara pelaksanaan aktiviti-aktiviti ini, MPSP sedia memberikan tunjuk ajar. Sasaran MPSP pada tahun ini

adalah untuk mengurangkan penjanaaan sisa pepejal sebanyak 5% berbanding jumlah sampah yang dijanakan pada tahun lepas.

Harapan saya di pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) agar kita dapat bersama berganding bahu dalam menjaga, memelihara dan memulihara persekitaran kita, khususnya di Seberang Perai ini agar sentiasa bersih dan indah.

Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat dan semua yang hadir pada hari ini bagi memeriahkan program lagi.

Sekian, terima kasih.